



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation and Commodities)



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (7)04/C/KM/181/7 Jilid 1

26 Mac 2025

PK (EL) MPOB 01/2025

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit

Tuan/ Puan,

PENGKELASAN MINYAK SAWIT YANG DIHASILKAN DI KILANG BUAH KELAPA SAWIT

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk mengawal selia industri sawit negara sentiasa prihatin dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memudahkan urusan perniagaan pemegang-pemegang lesen MPOB. Untuk itu, MPOB telah membuat penelitian yang mendalam ke atas perkembangan terkini pemprosesan minyak sawit di kilang-kilang buah kelapa sawit (MF) terutamanya di dalam penghasilan minyak sawit daripada *tandan kosong* dan *Sterilizer Condensate*.
3. Justeru itu, MPOB telah menetapkan bahawa semua jenis minyak yang dikeluarkan dari pengilangan buah kelapa sawit di MF adalah dikategorikan sebagai *Minyak Sawit Mentah* (CPO). Ianya adalah selaras dengan takrifan minyak sawit mentah di bawah Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit (Pelesenan) 2005 iaitu “Minyak Sawit Mentah adalah minyak dalam bentuk mentah yang berasal atau yang diekstrakkan daripada perikarpa buah kelapa sawit”
4. Untuk itu, minyak yang dihasilkan daripada pemprosesan tandan kosong (EFBO) dan minyak dari *Sterilizer Condensate* (SCO) hendaklah diisytiharkan sebagai minyak sawit mentah yang dikenakan bayaran ses dan dikira dalam pengiraan kadar perahan minyak (OER). Sehubungan itu, mana-mana MF yang terlibat di dalam penghasilan EFBO dan SCO bermula Januari 2023 sehingga kini adalah dikehendaki membuat semakan dan pembetulan ke atas penyata bulanan kilang buah sawit yang telah dihantar kepada Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri MPOB bagi tujuan pindaan ke atas maklumat tersebut.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QAS 02602



5. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berkaitan ini perkara ini, tuan/puan boleh menghubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

i. Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan

En. Mohd Faqehudin Sadiran

Tel : 03-7802 2977

Emel : fqehudin@mpob.gov.my

ii. Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri

En. Mohd Lokman Norhakim Mohd Nazri/ Pn.Nurul Syuhada Azrin

Tel : 03-7802 2912

Emel : mohd.lokman@mpob.gov.my atau nurul.syuhada@mpob.gov.my

6. MPOB memahami akan cabaran yang dihadapi oleh pihak industri namun kelangsungan dan kelestarian industri kelapa sawit negara sentiasa menjadi keutamaan kepada MPOB.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR

Ketua Pengarah, MPOB

- s.k : i. Pengarah Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan
ii. Pengarah Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri
iii. Pengarah Bahagian Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan